

Projek ternakan udang di tanah milik PKNP tiada kelulusan

IPOH - Jabatan Perikanan Perak tidak pernah meluluskan projek kolam penternakan udang di atas tanah milik Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) di Bagan Datuk.

Pengarahnya, Zaki Mokri berkata, sehingga kini tiada permohonan diterima untuk menjalankan projek akuakultur di kawasan tersebut.

Beliau berkata, sebarang projek ternakan udang hanya boleh dilaksanakan di kawasan yang telah diwartakan sebagai zon akuakultur oleh kerajaan.



ZAKI

“Setakat ini kawasan tersebut tidak lagi diwartakan sebagai zon akuakultur malah kita tidak menerima sebarang permohonan untuk penternakan udang di situ.

“Syarat utama kelulusan projek akuakultur untuk kawasan ternakan melebihi 50 hektar perlu

mendapatkan Kajian Penilaian Impak alam Sekitar (EIA) terlebih dahulu,” katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai bantahan penduduk di tiga kampung di Bagan Datuk mengenai projek ternakan

udang yang sedang dilaksanakan di kawasan seluas kira-kira 47 hektar itu.

Sementara itu, Sahabat Alam Malaysia (SAM) menyuarakan kebimbangan mengenai projek kolam ternakan udang tersebut.

Penyelidik Lapangan SAM, Meor Razak Meor Abdul Rahman berkata, kebanyakan kolam ternakan udang terutama yang diusahakan secara haram di kawasan pesisir pantai akan merosakkan ekosistem.

Menurutnya, kebiasaannya kolam ternakan dibina di kawasan paya bakau yang diteroka dan pembinaan kolam akan memusnahkan hutan tersebut sekali gus menjejaskan hidupan laut di kawasan berkenaan.